

25/11/2003

Muka baru bukti Umno serius tawan semula Kelantan

Jamhariah Jaafar

MAJLIS Tertinggi Umno membuat rombakan sekali lagi ke atas Umno dan kali ini di bawah kepemimpinan Pemangku Presiden, Datuk Seri Abdullah Badawi yang sejak dari awal menyampaikan mesej yang amat lantang - usaha membodek serta 'cakap banyak dan kerja sikit' akan disingkir daripada budaya Umno sedang parti terunggul Melayu kini bersedia untuk mengembalikan maruah yang tercemar disebabkan golongan terbabit.

Paling menarik ialah keputusan tegas membabitkan Umno Kelantan apabila lima ketua bahagian negeri itu digugurkan dan ia termasuk ketua bahagian Pasir Mas, Datuk Paduka Ibrahim Ali yang terkenal dengan kelantangannya memberi pendapat. Turut digugurkan ialah Ketua Bahagian Kubang Kerian, Tuan Mohamad Hashim Tuan Yaacob; Ketua Bahagian Kuala Krai, Datuk Wan Zaid Wan Abdullah dan Ketua Bahagian Bachok, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor.

Imbauan sejarah adalah penting. Pilihan raya umum 1999 memberi tamparan paling hebat pernah dirasakan Umno apabila hanya satu kerusi Parlimen dimenangi Umno, itupun oleh anak raja negeri, Tengku Razaleigh Hamzah. Tokoh terkemuka lain yang tumbang termasuk Datuk Mustapa Mohamed dan Datuk Annuar Musa.

Ini adalah rombakan kedua kepemimpinan Umno Kelantan, selepas bekas Presiden, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan rombakan bagi Badan Perhubungan Negeri pada Januari lalu, dengan menggugurkan Annuar Musa selaku Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan; Tuan Hashim Tuan Yaacob (Setiausaha), Datuk Ismail Mamat (Ketua Penerangan) dan Datuk Dr Nik Hussain Ab Rahman (Bendahari).

Sebagai ganti, Ketua Umno bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim, dinamakan sebagai pengganti Annuar; Timbalan Ketua bahagian Tumpat, Mat Nawawi Jusoh (Setiausaha); Timbalan Ketua Bahagian Peringat, Alwi Che Ahmad (Ketua Penerangan) dan Timbalan Ketua Bahagian Bachok, Datuk Dr Awang Adek Husin (Bendahari).

Rombakan paling penting ketika itu ialah menamakan Mustapa merangkap Ketua Biro Penerangan Umno Pusat sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Negeri. Tokoh 'tidak banyak bercakap tetapi kuat bekerja' itu diharap dapat membersihkan imej Umno yang begitu rapuh, berbanding imej Islam yang ditonjolkan Pas.

Dr Mahathir ketika mengumumkan rombakan itu melahirkan keyakinan Barisan Nasional (BN) dapat merampas kembali Kelantan yang dikuasai Pas sejak 13 tahun lalu pada pilihan raya umum akan datang dan berjanji Umno mengubah bentuk pembangunan di negeri ini yang masih mundur jika rakyat Kelantan mengetepikan Pas serta memberi BN mandat untuk memerintah negeri yang dikenali sebagai 'Serambi Makkah' itu.

"Saya janji Umno akan berubah, kepemimpinan Umno juga akan berubah," katanya yang menerima tepukan gemuruh lebih 20,000 hadirin pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Maktab Sultan Ismail di Jalan Telipot di sini, petang 16 Januari lalu.

Umno Kelantan wajib untuk menunaikan janji itu tetapi dengan syarat kepemimpinan bahagian dan cawangan memberi kerjasama sepenuhnya kepada kepemimpinan tertinggi negeri untuk memastikan Umno kembali bertapak di sana, dan menebus maruah yang tercemar pada 1999.

Tetapi keputusan yang diambil Pak Lah dua hari lalu membuktikan janji itu tidak dilaksanakan dengan sesetengah pemimpin di bawah teraju Tok Pa gagal untuk melaksanakan tugas dengan berkesan.

Pemerhati politik Kelantan menegaskan, tidak mustahil untuk menunaikan

janji Dr Mahathir kerana tinjauan ketika ini menunjukkan lebih 40 peratus penduduk Kelantan sudah menyedari Umno adalah parti yang membawa mereka keluar daripada belenggu pembangunan yang `terencat' walaupun Malaysia sudah mencapai kemerdekaan lebih setengah abad.

"Tidak timbul masalah di kalangan pengundi sekarang, apa yang penting sekarang ialah Tok Pa mesti diberi kepercayaan melaksanakan usaha untuk melancarkan perubahan dalam Umno secara maksimum.

"Umno Kelantan tidak boleh lagi bercakap sebagai individu, tapi mesti berpegang kepada platform parti. Jadi tidak timbul isu individu, yang paling penting sekarang ialah usaha untuk memantapkan parti dan memastikan Umno menang pada pilihan raya akan datang," kata mereka.

Pemimpin lama terutama yang digugurkan kelmarin perlu insaf keputusan dibuat demi untuk kebaikan parti, bukan bertujuan memperkecil, membalas dendam atau memperlekehkan mereka sebaliknya Kelantan memerlukan wajah dan suara baru, untuk mengembalikan keyakinan rakyat bahawa semua usaha dilaksanakan Umno di negeri itu adalah ikhlas dan jujur.

"Pemimpin terbabit perlu melihat pada `bigger picture' (gambaran lebih besar). Masalah Umno di Kelantan adalah jelas pada semua pihak dan jauh di sudut hati masing-masing, mereka tahu apa yang perlu dilakukan jika Umno ingin menang. Naluri itu yang menyaksikan MT membuat keputusan kelmarin.

"Kalau Pak Lah atau Tok Pa ingin menjadikan individu sebagai sasaran, antara yang paling awal digugurkan ialah Annuar tapi ini tidak berlaku," tegas mereka.

Hakikatnya di sini ialah jika Umno ingin menebus maruah yang tercemar pada 1999, mereka perlu lakukan secara jujur dan ikhlas.

Cantasan masalah perlu dibuat dari akar umbi, bukan sekadar pada permukaannya. Ahli Umno yang bermuka-muka dan mengambil kesempatan dan cuba meraih keuntungan daripada kejatuhan Umno, perlu insaf masanya sudah tiba untuk mereka berubah sikap.

Menyentuh mengenai kepemimpinan Mustapa, mereka berkata apa yang berlaku sedikit sebanyak menggugat kepimpinannya tapi secara keseluruhan ia diharap dapat membuahkan hasil lebih baik.

"Rakyat mendesak perubahan, mereka meminta muka baru. Bayangkan jika tiada perubahan dibuat, muka lama dan masalah lama terus diheret ke dalam pilihan raya 2004, saya yakin kita kalah sekali lagi dan lebih besar.

"Masa itu, sudah pasti orang berkata padan muka Tok Pa, orang suruh buat perubahan dia tak buat sebab takut kecilkan hati. Apa yang dia boleh buat, tapi dia tak buat.

"Jadi orang akan berkata memang padan muka dia. Kelantan amat unik kerana terlalu ramai orang berpolitik dan semua orang pandai membuat analisis.

"Bayangkan sekali lagi, jika Pak Lah membuat hanya satu dua perubahan orang akan kata ia adalah kosmetik Umno, kalau kita gugurkan berpuluh orang mereka akan kata terlalu radikal. Jadi, kita nilaikan dengan jujur dan ikhlas dan apa yang dilakukan kelmarin, memang menunjuk dan membuktikan Umno memang serius untuk kembali berkhidmat kepada rakyat Kelantan," kata penganalisis.

Menyentuh kemungkinan pemimpin lama yang digugurkan seperti Ibrahim, boleh mencetus kemelut lebih berbisa kepada Umno Kelantan, pemerhati yakin Ibrahim cukup matang dalam hal berpolitik dan dia sudah pasti tidak mahu gelaran `si katak lompat' terus terpalit pada dahinya.

Bekas Ketua Umno Bahagian Pasir Mas itu diingatkan beliau pernah berkata, kemenangan di Kelantan bukan bergantung kepada keperibadian calon atau pengorbanan serta pencapaian parti bertanding, tetapi lebih cenderung kepada isu yang melingkari suasana pilihan raya.

"Soal siapa jadi calon, siapa banyak buat kerja dengan siapa yang tak buat kerja tak relevan. Orang Kelantan lebih berminat mendengar isu,"

katanya.

Justeru, pemerhati terbabit berkata, rakyat Kelantan kini jauh lebih bijak dan matang: "Saya juga yakin Ibrahim cukup matang sekarang. Dia tahu Pak Lah tidak gemar orang berbuat kacau atau ugutan.

"Sukar untuk membuat penilaian sekarang, tapi saya yakin Ibrahim insaf perubahan yang dilakukan amat perlu bagi mengembalikan semula kewibawaan Umno di Kelantan.

"Umno Kelantan mesti melihat ke hadapan sekarang. Pak Lah dapat melihat dengan jelas apa yang berlaku dan dia tahu apa yang mesti dilakukan. Apa yang diperlukan Perdana Menteri kita itu adalah sokongan padu daripada semua pihak," katanya.